

30 JUL 2001

Mahathir-Likas

TERIMA KASIH, KATA DR MAHATHIR KEPADA WARGA LIKAS

KOTA KINABALU, 30 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penduduk Likas dan rakyat Sabah kerana terus menunjukkan kepercayaan dan keyakinan tinggi kepada Barisan Nasional.

Katanya kemenangan calon BN pada satu pilihan raya kecil bagi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Likas baru-baru ini dengan majoriti lebih besar menunjukkan bahawa bukan "pengundi hantu" yang membantu BN menang.

"Saya ucap syabas, tahniah dan terima kasih kepada pengundi dan penduduk Likas yang telah bangun untuk membuktikan kebenaran mereka dan sokongan mereka kepada BN. Kita tidak akan lupa tentang jasa mereka," kata beliau pada majlis kesyukuran bersama rakyat di sini.

Perdana Menteri juga mengucapkan tahniah kepada Presiden Parti Maju Sabah Datuk Yong Teck Lee selaku calon BN pada pilihan raya itu kerana memperolehi kemenangan yang begitu baik.

"Saya yakin Datuk Yong akan bekerja keras, bukan sahaja dalam kawasannya, bukan sahaja kepada partinya tetapi kepada semua anggota BN yang telah menyumbang kepada kemenangan BN," kata Dr Mahathir.

Majlis itu yang dihadiri kira-kira 2,500 penduduk Likas dan sekitar bandar raya ini adalah bagi meraikan kemenangan itu.

Dr Mahathir juga merakamkan penghargaan kepada semua pekerja BN pada pilihan raya itu yang terdiri daripada semua parti komponen, pergerakan wanita dan pemuda dan Puteri Umno.

Ini adalah pertama kali Puteri Umno diuji dan mereka telah menunjukkan kebolehan mereka, katanya.

"Saya harap berusaha untuk menambah lebih ramai Puteri bukan sahaja dalam Umno tetapi juga dalam parti komponen yang lain supaya barisan pelapis ini akan dapat latihan awal dalam bidang politik kerana satu hari mereka akan menggantikan pemimpin lama.

"Pemimpin lama akan berundur juga dan pemimpin baru akan mengambil alih tetapi ambil alihlah sebagai orang yang bijak dan terlatih untuk meneruskan perjuangan menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berjaya menjelang tahun 2020," kata Perdana Menteri.

Pada pilihan raya kecil 21 Julai itu, Yong mendapat 9,758 undi untuk menewaskan tiga pencabarnya dengan majoriti 7,541 undi.

Pilihan raya kecil itu diadakan ekoran pengisytiharan Mahkamah Tinggi di sini pada 8 Jun bahawa keputusan pilihan raya negeri 1999 bagi kerusi itu tidak sah dan batal kerana kesalahan telah dilakukan mengikut Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 selain kewujudan pengundi hantu dalam daftar pemilih di Likas.

Pada pilihan raya negeri 1999, Yong menang kerusi itu dengan majoriti 4,962 undi.

Dr Mahathir berkata parti pembangkang sepatutnya menerima keputusan rakyat yang menolak mereka di Likas pada pilihan raya negeri 1999.

"Janganlah terima keputusan rakyat apabila mereka menang sahaja. Rakyat telah buat keputusan bahawa mereka tidak disukai dan telah ditolak, jadi terimalah kekalahan," katanya.

-- BERNAMA

JS MAI